




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **54 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **53,675 kes**. Satu (1) kes kematian dilaporkan hari ini iaitu di daerah Sipitang. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh ialah 57 menjadikan jumlah kumulatif 52,468 orang. Manakala, pesakit sedang menerima rawatan merangkumi 585 orang iaitu 210 orang di hospital manakala 375 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU ialah 19 orang dan tujuh (7) orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Lahad Datu berubah dari zon merah ke zon jingga.
Manakala Papar bertukar dari zon kuning ke zon jingga.

4 Pada hari ini, tiada kluster baharu direkodkan.

5 Daripada 54 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 39 kes (72.2%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala enam (6) kes (11.1%), saringan kluster sedia ada satu (1) kes (1.9%) dan lapan (8) kes (14.8%) adalah dari lain-lain kategori.

- 6 Jumlah kapasiti katil 5,001 unit
- Hospital 744 unit
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,767 unit
 - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 490 unit.
- Peratus penggunaan katil 11.7%.

B STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

Setakat ini, seramai **2,501** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **16,566** orang.

C BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Sejumlah **284,399** bakul makanan diagihkan pada hari ini kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

D LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 27 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 4,646 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 15 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 78 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Pematuhan SOP di premis-premis perniagaan di kawasan bandar masih di tahap yang tidak memuaskan. Orang ramai dan pemilik premis dinasihatkan agar sentiasa mematuhi peraturan dan SOP yang ditetapkan bagi mengekalkan jumlah dua (2) digit kes positif COVID-19 di Sabah.

- 3 Sebanyak lapan (8) kompaun dikeluarkan pada hari ini:
- Kota Kinabalu : Tujuh (7) orang
 - Pusat Bandaraya : Empat (4) orang - tiada penjarakan fizikal, tiada tanda penjarakan di meja pelanggan dan tiada penanda arah keluar / masuk pelanggan di restoran.
 - Manggatal : Satu (1) orang - tidak memakai pelitup muka.
 - Inanam : Satu (1) orang - tidak memakai pelitup muka.
 - Karamuning : Satu (1) orang - tidak memakai pelitup muka.
 - Papar : Satu (1) orang
 - Kinarut : Satu (1) orang - tidak memakai pelitup muka.
- 4 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 84 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 36 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, tiga (3) tangkapan telah dibuat di bawah Enakmen Pelabuhan dan Dermaga Sabah 2002.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 596 lokasi melibatkan seramai 193 anggota APM.
- 6 Sementara rondaan sama dilaksanakan di 148 lokasi melibatkan 124 anggota RELA.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di sembilan (9) premis, melibatkan empat (4) buah daerah iaitu daerah Sandakan, Semporna, Keningau dan Tambunan.
- 8 Sejumlah 79 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 15 daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 118 hebahan di seluruh Sabah.

E KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPP pada hari ini ialah **95.4%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Sipitang	96%
2	Kinabatangan	96%
3	Semporna	96%
4	Beluran	96%
5	Kunak	96%
6	Tenom	96%
7	Beaufort	96%
8	Ranau	96%
9	Kudat	95.5%
10	Papar	95.5%
11	Kota Belud	95%
12	Kota Marudu	95%
13	Tuaran	95%
14	Kota Kinabalu	95%
15	Penampang	95%
16	Lahad Datu	95%
17	Sandakan	95%
18	Tawau	94%
19	Keningau	93.5%

- 2 Ayuh, daftarkan dkiri anda untuk vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

Sekian.

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**

10 Mac 2021